

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada Petender **yang dimiliki seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (Bekalan Dan Perkhidmatan) (MOF)** di bawah **kepala 221000 Pecahan Kepala 1001** serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga seperti berikut :

NO. TENDER	TAJUK TENDER	TARAF	TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL, TARIKH TUTUP TENDER, NO. PETI TENDER & TARIKH TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN TENDER DIJUAL & TEMPAT TUTUP TENDER	KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)	BAYARAN DOKUMEN
UTM.B 28/2025	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN SELURUH KAMPUS UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : 28 NOVEMBER 2025 Tarikh Jual Tender : 01 DISEMBER 2025 hingga 15 DISEMBER 2025 Tarikh Tutup Tender : 22 DISEMBER 2025 No. Peti Tender : No. 1 Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak : 01 DISEMBER 2025 (ISNIN) WAJIB jam 10.00 pagi	Waktu Pejabat : Isnin - Khamis 9.00 pagi hingga 3.00 petang Jumaat 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari Tempat Jual Tender : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2 Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur Tempat Tutup Tender : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2 Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur	(BEKALAN DAN PERKHIDMATAN) 221001 Perkhidmatan/Khidmat Kebersihan dan Rawatan/Pembersihan Bangunan dan Pejabat	RM200.00 senaskah (Tidak akan dikembalikan) Pembayaran adalah secara atas talian melalui pautan : https://payhub.utm.my/ 

2. Petender hendaklah memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut :

Mempunyai pengalaman kerja-kerja pembersihan sekurang-kurangnya lima (5) tahun, Pegawai Penyelia hendaklah mempunyai sijil kelulusan dari pusat latihan BICS (British Institute of Cleaning Science) atau Sijil 'Berkenaan' dari mana-mana institusi lain yang diiktiraf oleh mana-mana Badan berkaitan dan mempunyai modal berbayar tiga (3) bulan.

3. Dokumen Tender boleh didapati dengan membuat bayaran secara atas talian melalui pautan : **<https://payhub.utm.my/>** dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam **Surat Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** dan UTMFin (yang mana berkaitan) **sahaja**. Kontraktor hendaklah **membawa bersama resit asal pembayaran, Slip Kehadiran Taklimat, Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)** serta satu set salinan fotostat bagi kesemua dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

4. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 1, Blok J2, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

5. Petender adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **01 Disember 2025 (Isnin) jam 10.00 pagi** di **Bilik A1-Ikhlas, Aras 1 Blok PA UTM Kuala Lumpur**. Kontraktor boleh terus menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu **En. Muhammad Syahir bin Rosdin** di talian **03 - 2615 4827**. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Petender diingatkan supaya mengambil maklum mengenai maklumat yang terdapat pada iklan ini sebelum membuat bayaran pembelian dokumen.